

Dr Sharifah
Hapsah



BIT 17/04/09 ms 33

**Memahami komuniti desa
pembelajaran amat berharga**

AHAD 8 Februari lalu, adalah pagi yang menyegarkan di Kampung Kundung Hulu, Pagoh, perkampungan yang terletak di hulu Sungai Muar, tidak jauh dari Bukit Kepong yang masyhur itu. Rombongan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkampung di desa yang tenang itu lebih awal untuk membuat persiapan Majlis Pelancaran Program Jalinan Erat UKM-Masyarakat oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (kini Timbalan Perdana Menteri), yang juga Ahli Parlimen kawasan berkenaan.

Mengapa Pagoh? Kawasan inilah destinasi awal UKM menghulurkan pengabdian dalam operasi ketika banjir besar melanda pada penghujung 2006 dan awal 2007. Kira-kira 1,800 sukarelawan terdiri daripada pelajar dan staf, berulang alik saban minggu, bersama-sama membersihkan sekolah, rumah ibadah, dewan masyarakat dan rumah penduduk di sepanjang tebing sungai.

Tidak lama selepas itu, penduduk kampung menerusi Allahyarham Imam Abas, meminta UKM mengangkat kampung terbabit secara jangka panjang dalam kerangka pembangunan komuniti. Tentunya mereka terdorong mencadangkan pemikiran itu dengan andaian fenomena buruk yang dialami itu akan berulang lagi, selain amat menghargai ketulusan dan semangat kesukarelawan pelajar.

Kerisauan penduduk kampung sangat dimengertikan. Medan selera di tebing sungai tempat kami bersarapan ditenggelami sedalam dua meter ketika banjir besar. 'Segalagalanya berlaku begitu pantas, hujan berterusan, air sungai naik dan melimpahi tebing dengan begitu cepat sekali,' cerita Maznah yang mengusahakan gerai roti canai.

Bahkan ketika sedang menikmati sarapan, saya dapat melihat ombak berpusar dengan laju, arus deras mendorong kayu dan sampah sarap yang hanyut di permukaan air. Di seberang tebing pula, air mulai meningkat tinggi menenggelami jeti kecil, melimpahi lorong menuju ke kawasan penempatan. Kata Maznah, semua orang mengikuti perkembangan paras air dengan penuh kebimbangan.

Sebagai sebuah universiti, kami menyedari bukan peranan kami untuk melaksanakan sesuatu dengan lebih baik berbanding agensi kerajaan yang sememangnya bertanggungjawab melaksanakannya.

Bagaimanapun, suatu fakta yang tidak boleh dipertikaikan ialah universiti bukan sekadar menjana ilmu baru menerusi penyelidikan dan menatarnya menerusi pengajaran pembelajaran pelajar, membentangnya dalam perisidangan dan menerbitkannya dalam jurnal saintifik, tetapi universiti harus menggembeng kepakaran, sumber dan dapatan penyelidikannya untuk manfaat kemasyarakatan dan komuniti.

Sekurang-kurangnya kejayaan menerapkan model pembangunan pada sebuah komuniti kecil boleh digarap pula dalam masyarakat yang lebih besar pada lokasi yang lain. Dengan rasa penuh rendah diri dan bangga, kami menerima tawaran itu berasaskan kesedaran bahawa pengabdian kepada masyarakat adalah satu kontrak sosial universiti dengan masyarakat.

Sebagai sebuah universiti awam, UKM memikul kewajipan moral serta pertanggungjawaban sosial sebagai pembalas budi terhadap dana awam yang selama ini membiayai kelangsungannya. Sebagai sebuah universiti kebangsaan, kami percaya kami harus menggalas tanggungjawab besar dalam memacu aspirasi nasional dalam pembinaan negara bangsa dan penciptaan kemakmuran.

Kami tidak sendiri dalam penerokaan ini. Sebagai ahli Talloires Network dan penandatanganan kepada Deklarasi Talloires Mengenai Peranan Sivik dan Pertanggungjawaban Sosial Pengajian Tinggi, UKM bersama universiti ternama di seluruh dunia dalam melebarkan tanggungjawab dan iltizam sosial kami mengenai pembabitan dalam komuniti menerusi pengajaran, penyelidikan dan khidmat kemasyarakatan.

Kami percaya, apabila pelajar, ahli akademik dan pentadbir universiti bekerja dengan anggota komuniti di luar, kualiti, kerelevanan dan keberkesanan program pendidikan dan penyelidikan kita diperkukuhkan menerusi hubungannya dengan realiti masyarakat atau dunia.

Komuniti adalah bilik kuliah yang subur kepada pelajar kami dalam mempelajari nilai pertanggungjawaban kewarganegaraan dan nilai hidup lain yang tak ternilai dalam perspektif holistik. Pemahaman terhadap komuniti dijana menerusi pembangunan berteraskan insan secara langsung,

penyeterlapan dan daripada sumber yang paling asas.

Pada 16 Februari lalu, secara rasminya Kundung Hulu menjadi kampung angkat UKM. Pelajar dan staf kami menjalankan kajian keperluan kampung berkenaan, iaitu prinsip utama dalam perkongsian berkesan. Sejak itu, perkhemahan kesihatan, pendidikan dan celik komputer dilaksanakan di Kundung Hulu dan perkampungan berhampiran.

Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu menggabungkan penyelidikan dengan khidmat komuniti dan secara aktif bekerjasama dengan pihak berkuasa kesihatan tempatan dalam memantau permasalahan kesihatan yang lumrah di kawasan luar bandar.

Imam Abbas yang mengalami kanser limpa dirawat doktor Hospital UKM dengan mesra sehinggalah beliau meninggal dunia. Penduduk Kundung Hulu juga sering diundang berkunjung ke universiti dengan harapan dapat menjadi rangsangan kepada anak mereka untuk menempa kejayaan dalam kehidupan selepas merasa persekitaran kampus.

UKM juga sudah menubuhkan Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat yang menyelaras jangkauan, peruntukan kewangan, pemantauan, pendokumentasian dan penilaian bersifat pelbagai disiplin bagi memastikan dampak dan keberkesanan program.

Langkah ini adalah satu pendekatan asas kerana UKM mengendalikan beratus-ratus projek kemasyarakatan setiap tahun. Pengiraan ini dilakukan menerusi sistem penilaian tahunan kakitangan dan pelajar pula memperoleh kredit yang diambil kira dalam penilaian akademik mereka. Kami juga bekerjasama dengan badan korporat swasta untuk terbabit dalam aktiviti yang dianjurkan sebagai sebahagian program tanggungjawab sosial korporat mereka.

Kundung Hulu adalah suatu prakarsa (inisiatif) yang lestari bagi menghasilkan manfaat berbentuk jangka panjang. Selepas setahun berlalu, menerusi jaringan dengan komuniti dan pemimpin mereka, iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Serampang, Tahir Mohd Taat, Pejabat Hubungan Masyarakat UKM merumuskan untuk memperteguhkan dan memperkukuhkan program kampung angkat yang memberi dampak, kelestarian dan kemandirian lebih besar.

Geran bernilai RM400,000 diperuntukkan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pendidikan, teknologi maklumat, advokasi kesihatan dan pencegahan penyakit, keusahawanan dan pemuliharaan alam sekitar dalam menangani bencana alam pada masa depan.

Jaringan komuniti menerusi penyelidikan akan menghasilkan penggubahan polisi dan program untuk mengangkat kualiti kehidupan masyarakat. Jaringan ini juga akan memastikan aplikasi etika dalam pengkaryaan dan inovasi saintifik dalam pembangunan dan kemajuan serantau.

Penyelidik kami di Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI) contohnya, bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan menempatkan panel tenaga suria di pedalaman perkampungan Orang Asli. Selain menjalankan percubaan saintifik, panel tenaga suria terbabit memanfaatkan masyarakat kecil itu dengan menerangi lorong laluan, meringankan bahan makanan serta menyediakan tenaga untuk sistem telekomunikasi. Projek Menara Gading Fakulti Pendidikan pula mencecah 98 peratus kejayaan memotivasi kanak-kanak kurang bernasib baik untuk melonjakkan mereka kepada pengajian tinggi.

Komuniti adalah dewan kuliah tanpa tembok dan formaliti. Jalinan erat universiti-komuniti adalah amat berharga dalam menyuburkan kesedaran dan pertanggungjawaban sosial di kalangan pelajar kita. Mereka menyediakan pengalaman yang 'hidup' dalam penyediaan kepimpinan, keupayaan organisasi, semangat berpasukan dan pertanggungjawaban.

Di Malaysia, komuniti juga adalah dewan kuliah dalam menyemarakkan rasa hormat terhadap kepelbagaian etnik dan budaya. Belajar daripada personaliti seperti Maznah, penghulu, imam, wakil rakyat, pengetua sekolah dan penduduk desa adalah kekayaan pengalaman amat berharga yang tidak diperoleh dari kampus universiti.